

Abang Abu Bakar akan lapor diri utk jawatan baru

KUALA LUMPUR, Selasa.— Timbalan Menteri Pertahanan yang baru dilantik, Abang Abu Bakar Mustapha akan melaporkan diri di Kementerian Pertahanan seorang diri tanpa kakitangan yang dibawa bersamanya dari Sarawak.

Ketika dihubungi di rumahnya di sini semalam, Abang Abu Bakar menegaskan, beliau sendiri belum pasti bilakah sepatutnya melaporkan diri untuk jawatan barunya.

"Saya tidak mempunyai kakitangan khas dari Sarawak. Oleh itu, saya akan melaporkan diri seorang sahaja," tambahnya.

Abang Abu Bakar, muka terbaru sekali dalam Kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diumumkan Sabtu lalu, adalah bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Beliau yang juga salah seorang Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), memulakan penglibatannya dalam politik 11 tahun lalu sebagai Setiausaha Kerja Perikatan Sarawak.

Dalam tahun 1973, beliau memenangi pilihanraya kecil Kuching Barat, dipilih kembali untuk kawasan tersebut tahun berikutnya dan tahun 1979 dengan kelebihan undi terbesar sekali di negeri berkenaan.

Abang Abu Bakar, 40 tahun, pernah belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar sebelum melanjutkan pelajarannya ke Universiti Adelaide, Australia.

Beliau juga pernah melanjutkan pelajarannya di bidang hukum di Inner Temple, London. Kini mendirikan rumahtangga dengan kerabat Diraja Negeri Sembilan dan mempunyai tiga cahaya mata.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia